

SYARAT DAN PERATURAN UMUM

ANUGERAH REKABENTUK

INOVASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

TAHUN 2025

Tarikh terbitan: 2 Oktober 2025

SYARAT UMUM

1. Permohonan adalah terbuka kepada semua fakulti termasuk jabatan-jabatan akademik;
2. Penyertaan permohonan kategori individu atau berkumpulan (*team teaching @ sharing course*) terbuka kepada semua ahli akademik warganegara dan bukan warganegara yang berkhidmat secara tetap atau kontrak sepenuh masa di USIM;
3. Empat (4) kategori utama adalah seperti berikut:
 - i. **Program Pengajian Inovatif** - penyertaan program pengajian;
 - ii. **Pengajaran Transformatif** - penyertaan individu atau kumpulan;
 - iii. **Pentaksiran Alternatif** - penyertaan individu atau kumpulan;
 - iv. **Pengalaman Pembelajaran Imersif** - penyertaan individu atau kumpulan;
4. Kursus yang ditawarkan perlulah mengguna pakai platform pembelajaran USIM atau kombinasi platform lain yang merangkumi platform USIM;
5. Pencalonan mengambil kira kursus yang ditawarkan bermula Semester I, Sesi 2022/2023 (A221) sehingga Semester II, Sesi 2024/2025 (A242);
6. Pemohon mendapat purata markah penilaian pengajaran dan pembelajaran (eNilai) sekurang-kurangnya 90% dalam tempoh penilaian kursus berkenaan ditawarkan;
7. Pemohon tidak dibenarkan untuk menggunakan bahan yang mempunyai hak cipta di dalam permohonan tanpa sebarang kenyataan yang merujuk kepada pencipta, pemilik hak cipta atau pelaku. Pihak Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CETL) tidak bertanggungjawab atas dakwaan terhadap sebarang pelanggaran berkaitan hak cipta;
8. Setiap permohonan hendaklah diperakukan oleh Ketua Jabatan. Sekiranya borang permohonan ditandatangani oleh wakil/pemangkunya, surat penurunan kuasa tersebut perlu disertakan;

9. Pemohon dibenarkan untuk mengemukakan permohonan di dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab;
10. Pemohon perlu mengambil kira amalan beretika dan pemantauan standard kesaksamaan (*equity*), kepelbagaian (*diversity*), dan keterangkuman (*inclusion*).
11. Pemohon adalah bertanggungjawab untuk memastikan keaslian permohonan dengan membuat deklarasi terhadap penggunaan teknologi kecerdasan buatan generatif.
12. Semua permohonan hendaklah melalui **borang permohonan** yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang CETL di pautan <https://cetl.usim.edu.my/anugerahinvoasipdp>;
13. Penghantaran penyertaan hendaklah **selewatnya pada 31 Oktober 2025 (Jumaat), jam 5:00 petang**;
14. Pemohon digalakkan untuk menghantar permohonan lebih awal bagi mengelakkan sebarang kesulitan;
15. Maklumat urus setia anugerah adalah seperti mana berikut:

Bahagian Inovasi dan e-Pembelajaran (BleP)

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CETL)

Aras 3, Bangunan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Universiti Sains Islam Malaysia

Ahmad Farid Mohd Jamal, Penolong Pendaftar

ahmadfarid@usim.edu.my / 06 798 6320

Eza Zahanim Ag. Hamat, Pembantu Tadbir

ezazahanim@usim.edu.my / 06 798 5098

16. Keputusan Jawatankuasa Penjurian **adalah muktamad**.

KRITERIA UMUM PENILAIAN MENGIKUT KATEGORI

Kriteria umum penilaian adalah seperti mana jadual di bawah. Sila rujuk helaian syarat khusus bagi mendapatkan perincian setiap kriteria.

Kurikulum Program Pengajian Inovatif	Rasional (10%)	Keterlibatan (20%)	Impak (40%)	Pendekatan (30%)
Pengajaran Transformatif	Rasional (10%)	Keterlibatan (20%)	Impak (30%)	Keadah/Teori Pengajaran (40%)
Pentaksiran Alternatif	Rasional (10%)	Keterlibatan Pelajar (20%)	Impak (30%)	Pendekatan (40%)
Pengalaman Pembelajaran Imersif	Rasional (10%)	Keterlibatan Pelajar (30%)	Impak (30%)	Pendekatan (30%)